




**PELAN STRATEGIK**  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
**2021-2025**



- 03 KATA ALUAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**
- 04 PENGENALAN**
- 05 PERANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**
- 06 SENARAI SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR**
- 07 CARTA ORGANISASI**
- 08 PUNCA KUASA**
- 09 KERJASAMA STRATEGIK**
- 10 ISU STRATEGIK**
- 11 VISI, MISI & MOTO**
- 12 NILAI BERSAMA**
- 13 RINGKASAN PELAN TINDAKAN**
- 14 TERAS UTAMA**
- 15-39 PELAN TINDAKAN**
- 40 PEMANTAUAN KAJIAN SEMULA**
- 41 PENGHARGAAN**

# KATA ALUAN

## SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI  
BIN ROHANI  
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

“ Pelan Strategik ini merupakan aras panduan kepada seluruh penjawat awam di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan sejajar dengan dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Johor. Pelan ini juga merupakan penanda aras untuk mencapai Visi dan Misi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Dalam memastikan objektif utamanya tercapai, pelan strategik ini memfokuskan kepada empat (4) teras utama iaitu Ekonomi, Taraf Sosial Rakyat, Teknologi Digital dan Tadbir Urus.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu’alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdullilah, segala puji bagi Allah SWT, saya bersyukur ke hadrat Ilahi atas kejayaan kita dalam menghasilkan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi tahun 2021 – 2025. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas kerjasama semua pihak yang telah memberikan komitmen sepenuhnya dalam penerbitan Pelan Strategik ini.

Pelan Strategik ini merupakan aras panduan kepada seluruh penjawat awam di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan sejajar dengan dasar dan perancangan Kerajaan Negeri Johor. Pelan ini juga merupakan penanda aras untuk mencapai Visi dan Misi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Dalam memastikan objektif utamanya tercapai, pelan strategik ini memfokuskan kepada empat (4) teras utama iaitu Ekonomi, Taraf Sosial Rakyat, Teknologi Digital dan Tadbir Urus.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar segala teras strategi dan pelan tindakan yang telah dizahirkan di dalam pelan ini akan dijadikan panduan oleh semua pihak dalam menjayakan Agenda Transformasi Negeri Johor. Semoga segala yang dirancang bagi membentuk Negeri Johor yang maju dan makmur dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

# PENGENALAN

## LATAR BELAKANG ORGANISASI

Johor adalah negeri Melayu pertama yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan melalui Undang-Undang Tubuh Negeri Johor yang dimasyhurkan oleh Sultan Abu Bakar. Menurut perlembagaan tersebut, Sultan Johor merupakan Ketua Perlembagaan Negeri. Di bawah perlembagaan negeri kuasa perundangan oleh Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada 45 ahli.

Dewan ini melantik sebelas (11) orang daripada ahli Dewan untuk membentukkan Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO). EXCO, yang diketuai oleh Menteri Besar, memegang kuasa eksekutif dan merupakan badan yang membuat dasar kerajaan negeri.

Johor menjadi negeri pertama di Tanah Melayu yang menubuhkan Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 1873, negeri Johor telah pun mempunyai satu badan perundangan yang dinamakan Mesyuarat Negeri atau State Council yang dianggotai oleh pegawai kanan pentadbiran Johor. Ketua Mesyuarat Negeri ialah Ungku Abdul Rahman iaitu Wakil Mutlak Maharaja Johor, manakala pegawai kanan negeri terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua jabatan negeri.




Berdasarkan maklumat yang ada Setiausaha Kerajaan Johor pada masa itu adalah Datuk Bentara Jaafar bin Haji Muhammad. Kemudian pada tahun 1893, YB Dato' Abdul Rahman bin Andak telah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor. Seramai 24 orang telah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor sehingga tahun 2022.

Sehingga kini, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah mempunyai empat (4) bahagian utama iaitu i) Pengurusan, ii) Pembangunan, iii) Sukan, Belia & Sukarelawan dan iv) Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat yang terdiri daripada 19 Cawangan.

# PERANAN

## SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



Melaksanakan agenda transformasi negeri berteraskan kepada dasar-dasar makro dan sektor sejajar dengan visi serta misi negeri dan negara

Meneraju, mengawal selia dan menetapkan Key Performance Indicators (KPI) serta menentukan Sasaran Kerja Tahunan bagi semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkawan Negeri

Meningkatkan kecenderungan ke arah memperkasa Teknologi Digital bagi membangunkan negeri selaras dengan pembangunan negara

Menetapkan penanda aras Akauntabiliti Hasil dan mentadbir urus dengan integriti

Merangka dan merancang Strategi Negeri (Rakyat & Pelanggan) bagi memastikan keperluan rakyat sejajar dengan Pembangunan Negara dan Infrastruktur Negeri

# SENARAI

## SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



**YB DATO' ABDUL RAHMAN  
BIN ANDAK**  
1893



**YB DATO' MOHAMED  
BIN MAHBOP**  
1907 - NOV 1914



**YB DATO' ISMAIL  
BIN BACHOK**  
01 JAN 1928 - JUN 1930



**YB DATO' MOHD SALLEH  
BIN ALI**  
20 DIS 1929 - 31 JAN 1948



**YB DATO' IBRAHIM  
BIN A. RAHMAN**  
01 JAN 1948 - 31 DIS 1952



**YB DATO' MOHD SETH  
BIN MOHD SAID**  
01 JAN 1953 - 01 MEI 1956



**YB DATO' ABDUL RAHMAN  
BIN MUSA**  
1 OGOS 1956 - 22 JUN 1962



**YB DATO' A. RAHMAN  
BIN JAAFAR**  
23 JUN 1962 - 31 DIS 1966



**YB DATO' ABDULLAH  
BIN MOHAMED**  
01 JAN 1967 - 05 MAC 1970



**YB DATO' IBRAHIM  
BIN ABDUL MAJID**  
06 MAC 1970 - 12 FEB 1973



**YB DATO' HAJI MOHD YUSOF  
BIN ABD. RAHMAN**  
13 FEB 1973 - 05 OGOS 1974



**YB DATO' ABDUL RAHMAN  
BIN AHMAD**  
06 OGOS 1974 - 03 JAN 1976



**YB DATO' HAJI MOHD YUSOF  
BIN HAJI ABDUL RAHIM**  
05 JAN 1976 - 31 DIS 1979



**YB DATO' SULEIMAN  
BIN MD NOOR**  
1 JAN 1980 - 16 FEB 1985



**YB DATO' HAJI ABDUL RAHIM  
BIN RAMLI**  
17 FEB 1985 - 31 MAC 1993



**YB DATO' HAJI ISHAQ  
BIN MOHD YUSOF**  
01 APR 1993 - 13 SEP 1996



**YB DATO' DR. HAJI SHAHIR  
BIN NASIR**  
14 SEP 1996 - 18 FEB 2001



**YB DATO' HAJI AYUB  
BIN MION**  
19 SEP 2001 - 02 SEP 2003



**YB DATO' HAJI MOHD RAZALI  
BIN MAHUSIN**  
03 SEP 2003 - 09 JAN 2006



**YB DATIN PAUKA HAJAH  
NORSIAH BINTI HARON**  
10 JAN 2006 - 19 OKT 2006



**YB DATO' HAJI ABD. LATIFF  
BIN YUSOF**  
20 OKT 2006 - 13 MAC 2011



**YB DATO' HAJI OBET  
BIN TAWIL**  
14 MAC 2011 - 09 APRIL 2014




**YB DATO' HAJI ISMAIL  
BIN KARIM**  
14 APR 2014 - 31 DIS 2016



**YB TAN SRI DATO' DR.  
HAJI AZMI BIN ROHANI**  
01 JAN 2017 - KINI

# CARTA ORGANISASI

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



# PUNCA KUASA

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN 1895**

**AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957**

**PERINTAH-PERINTAH AM**

**ENAKMEN NEGERI JOHOR**

**KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
JOHOR**

**PEKELILING-PEKELILING KERAJAAN NEGERI JOHOR**


**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM NEGERI  
JOHOR (KELAKUAN DAN TATATERTIB)**

**AKTA PENCEN 1980**

**LAIN-LAIN AKTA YANG BERKAITAN**



# KERJASAMA STRATEGIK




## PIHAK BERKEPENTINGAN

- Institusi DiRaja Johor
- YAB Menteri Besar Johor
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan



## RAKAN STRATEGIK

- Agensi Persekutuan / Negeri / Kerajaan Tempatan
- Badan Berkanun Negeri / Persekutuan
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Agensi Swasta / Pelabur
- Agensi Antarabangsa
- Media



## PELANGGAN

- Orang Awam
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri / Persekutuan

# ISU STRATEGIK

## MENTRANSFORMASKAN PEMBUDAYAAN ICT DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pemerkasaan teknologi digital amat penting bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Bagi merealisasikan keberkesanan penggunaan teknologi digital, sektor awam perlu memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan

## MEMPERKASA PENGURUSAN EKONOMI NEGERI UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pengurusan ekonomi amat penting dalam meningkatkan kualiti dan taraf kehidupan rakyat. Pertumbuhan ekonomi dapat dicapai melalui peluang perniagaan yang kompetitif, penguasaan sumber dan pembangunan inklusif



## MEMPERKUKUH PEMBUDAYAAN KERJA SEKTOR AWAM KE ARAH PENGURUSAN YANG BERKUALITI

Pengukuhan tadbir urus sektor awam amat penting dalam mengoptimumkan penggunaan sumber manusia yang mahir dan berkomitmen tinggi. Ini menuntut organisasi untuk sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan pembangunan persekitaran dan perubahan semasa agar memenuhi kehendak pihak berkepentingan, rakan strategik dan pelanggan

## PEMURNIAN & PENGUKUHAN JALINAN KERJASAMA STRATEGI DEMI KEMAKMURAN RAKYAT

Perubahan globalisasi turut memberi kesan dan cabaran kepada negara dan rakyat. Justeru itu, organisasi disarankan untuk melaksanakan pemurnian dan pengukuhan jalinan kerjasama strategik demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri

# **VISI, MISI, MOTO**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

## **VISI**

Peneraju kepada kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam Negeri Johor dalam perancangan pembangunan, pengurusan dan pemantauan bagi membentuk Negeri Johor yang mampu

## **MISI**

Memangkin kecemerlangan perkhidmatan awam negeri melalui sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat rakyat Negeri Johor

## **MOTO**

**“ Penyampaian Berkesan Rakyat Sejahtera ”**

# **NILAI BERSAMA**

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



**J**

### **JATI DIRI**

Membentuk modal insan yang berkualiti, penjawat awam perlu berpegang kepada jati diri yang mengandungi definisi, nilai dan prinsip profesionalisme. Keperibadian tinggi dan jati diri yang cemerlang harus diamalkan bagi membawa perkhidmatan awam bertaraf kelas pertama.



**O**

### **ORGANISASI LESTARI**

Organisasi yang gemilang memerlukan anggota yang cemerlang dalam menjalankan tugas dan sentiasa melestarikan nilai-nilai murni seperti bersih, cekap, amanah, jujur, benar, telus, bertanggungjawab dan adil.



**H**

### **HOLISTIK**

Menentukan arah dan memberikan makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkah laku anggota perkhidmatan awam bagi memenuhi tanggunjawab dan amanah supaya berkhidmat dengan ikhlas dan berkesan.



**O**

### **OPTIMIS**

Sentiasa optimis untuk memberikan arah tuju dan fokus dalam menyatukan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan.



**R**

### **RASIONAL**

Nilai murni yang diterapkan dan diamalkan hendaklah rasional dan bersifat positif serta boleh diterima oleh semua masyarakat.


# RINGKASAN

PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN JOHOR 2021-2025

**4** TERAS

**15** STRATEGI

**53** PROGRAM/ PROJEK




# TERAS UTAMA

## PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR 2021-2025



# TERAS STRATEGIK 1

Mengoptimumkan ekonomi negeri melalui penguasaan sumber dan pembangunan inklusif



## STRATEGI 1

Memperkasakan dasar dan peluang perniagaan yang kompetitif supaya dapat menarik pelabur



## STRATEGI 2

Pemantapan pengurusan sumber-sumber semula jadi berdasarkan sumber hasil yang baharu



## STRATEGI 3

Mempertingkatkan promosi dan kesedaran rakyat akan perkhidmatan kerajaan



## STRATEGI 4

Memperkasakan tadbir urus pengurusan ekonomi dalam negeri serta memantapkan pembangunan infrastruktur dan teknologi yang lestari



# TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (I) KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 1</b>  Memperkasakan dasar dan peluang perniagaan yang kompetitif supaya dapat menarik pelabur	Membangunkan Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2020-2030	Bilangan dokumen	1 dokumen	2021	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor Invest Johor
	Sesi dialog awam (townhall) bagi menangani isu-isu pelaburan di kawasan perindustrian bersama dengan PBT	Bilangan sesi dialog awam	2-3 kali setahun	2021 - 2025	Invest Johor Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Pembangunan Sistem Pangkalan Data Pelaburan	Bilangan sistem	1 sistem	2021 - 2025	Invest Johor
	Taklimat peluang pelaburan di Johor kepada delegasi pelabur dari dalam dan luar Negara	Bilangan taklimat dan pembentangan	3 kali setahun	2021 - 2025	Invest Johor
	Penganjuran sesi rangkaian (networking) bersama pelabur baru dan sedia ada di dalam dan luar negeri	Bilangan penganjuran sesi rangkaian	2 kali setahun	2021 - 2025	Invest Johor
	GOL 2.0 (Geran Orang Lokal)	Bilangan usahawan mikro yang dapat dilahirkan	200 orang setahun	2021	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor
	FIJO (Festival Islam Antarabangsa Johor)	Peningkatan hasil jualan	Meningkatkan hasil jualan kepada RM2 juta	2021	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor

## TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 2</b>  Pemantapan pengurusan sumber-sumber semula jadi berdasarkan sumber hasil yang baharu	Mempertingkatkan storan sumber air:  a) Projek Penyaluran air mentah dari muka sauk Kg. Mawai ke: i. Projek Penyaluran Air Mentah Layang 2 (Fasa) – Projek I ii. Projek Penyaluran Air Mentah ke Loji Rawatan Air Gembut – Projek II  b) Projek sumber air: i. Projek Pembinaan Baraj Sg. Muar – Projek I ii. Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Baraj Sg. Batu Pahat – Projek II iii. Pembinaan Off River Storage (ORS) Sg. Johor – Projek III  Meningkatkan pendapatan daripada sumber air Johor			2021 - 2025	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor  Badan Kawal Selia Air Negeri Johor

# TERAS STRATEGIK 1


STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 3</b>  Mempertingkatkan promosi dan kesedaran rakyat akan perkhidmatan kerajaan	Mempromosikan pelancongan negeri Johor melalui:  i. Pameran pelancongan ii. Penggalakan penganjuran acara pelancongan iii. Lawatan trip FAM (familiarization trip) iv. Penggunaan media sosial	Bilangan pameran  Bilangan acara  Bilangan lawatan  Bilangan pengikut (followers)	2 pameran setahun  6 acara setahun  2 kali setahun  100 ribu orang pengikut	2021 - 2025	Tourism Johor
	Tahun Melawat Johor 2022:  i. Kempen promosi produk pelancongan ii. Destinasi pilihan acara bertaraf antarabangsa			2022	Tourism Johor

## TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 4</b>  Memperkasakan tadbir urus pengurusan ekonomi dalam negeri serta memantapkan pembangunan infrastruktur dan teknologi yang lestari	Penggunaan dan peningkatan kualiti pengangkutan awam	Bilangan laluan Bas Muafakat Johor (BMJ) bagi semua PBT  Bilangan tiang hentian bas (buspole) bagi laluan BMJ  Jumlah kepenggunaan BMJ  Peratusan liputan rangkaian laluan pengangkutan awam	71 laluan (61 sedia ada + 10 laluan baharu)  338 buah tiang hentian (188 tiang di laluan sedia ada + 150 buah tiang di laluan baharu)  Pertambahan 800,000 kepenggunaan setahun  70%	2021 - 2025	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor

# TERAS STRATEGIK 2

Memperkuat taraf sosial rakyat yang komprehensif demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri



## STRATEGI 1

Mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat dan sihat



## STRATEGI 2

Pengukuhan ekonomi dan pembasmian kemiskinan



## STRATEGI 3

Memperkuuh perancangan infrastruktur fizikal kepada rakyat



## STRATEGI 4

Memperkuuh institusi keluarga, sosial dan agama



## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (I) KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 1</b>  Mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat dan sihat	Pelan Memperkasakan Bencana sebagaimana Arahan MKN-20	Bilangan program latihan pengurusan bencana	1 program setahun	2021 - 2025	Bahagian Khidmat Pengurusan
	Mewujudkan program Masyarakat Rendah Karbon / Kejiraninan Hijau	Bilangan program	2 program setahun	2021 - 2025	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Memperkasakan Program Zon Bersih di semua PBT	Bilangan zon bersih	1 zon bersih setiap PBT	2021 - 2025	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Memperluas penggunaan kad SIHAT Johor	Peratusan peningkatan penerima kad SIHAT	10% setahun	2021 - 2025	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)

## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 2</b>  Pengukuhan ekonomi dan pembasman kemiskinan	Memperkuuh agenda pembangunan kemahiran modal insan di negeri Johor melalui program/aktiviti:  i. Promosi dan pendedahan kepentingan serta potensi melalui Technical and Vocational Education and Training (TVET)  ii. Peningkatan kemahiran melalui Program Upskilling dan Reskilling berdasarkan sektor yang menyediakan peluang kerjaya yang tinggi	Bilangan program  Bilangan peserta	1 program setahun  500 orang peserta setahun	2021 - 2025	Unit Strategik Modal Insan Johor
	Bantuan pembinaan rumah baharu / baik pulih rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar	Bilangan unit rumah	100 unit setiap tahun	2021 - 2025	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor  Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
	Pengecualian bayaran lesen penjaja di seluruh negeri Johor	Bilangan penjaja yang mendapat manfaat pengecualian	24,000 orang penjaja	2020	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)

## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 2</b>  Pengukuhan ekonomi dan pembasman kemiskinan	Pelaksanaan Kajian Modal Insan Negeri Johor yang berfokus kepada:			2021 - 2025	Unit Strategik Modal Insan Johor
	i. Kajian tenaga kerja Malaysia dan Johor yang bekerja di Singapura	Bilangan kajian	1 kajian		
	ii. Kajian permintaan & penawaran Guna Tenaga Negeri Johor 2021-2025	Bilangan kajian	1 kajian		
	Pelaksanaan program Karnival Kerjaya	Bilangan program  Bilangan peluang pekerjaan	1 program setahun  1,000 peluang pekerjaan setahun	2021 - 2025	Unit Strategik Modal Insan Johor
	Program Pembangunan Modal Insan Sektor Pelancongan	Bilangan pemandu pelancong  Bilangan inap desa / pelancongan desa (homestay)	500 orang  400 buah inap desa	2021 - 2025	Tourism Johor

## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 3</b>  Memperkuuh perancangan infrastruktur fizikal kepada rakyat	Penyelenggaraan kemudahan awam di PBT	Bilangan projek	1 projek setiap tahun bagi setiap PBT	2021 - 2024	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Pengurusan sampah terapung dalam sungai	Berat sampah dikutip di Sungai Tebrau dan Sungai Skudai	Sungai Tebrau - 80 ton setahun  Sungai Skudai - 150 ton setahun	2021 - 2025	Badan Kawal Selia Air Negeri Johor
	Pembangunan infrastruktur hijau negeri Johor:			2021 - 2025	Jabatan Landskap Negeri Johor Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	i. Pelan konsep Taman Komuniti PBT	Bilangan pelan konsep	10 pelan		
	ii. Pembangunan landskap	Bilangan projek di agensi kerajaan	20 projek setahun		
		Bilangan projek di masjid/surau	20 projek setahun		
	iii. Pembangunan Taman Komuniti PBT	Bilangan taman Komuniti	20 projek setahun	1 Taman Komuniti	
	iv. Pembangunan landskap kediaman rasmi kerajaan	Bilangan projek	1 projek setahun		
	v. Pembangunan Taman Botani Johor	Bilangan kemudahan	1 kemudahan setahun		
	vi. Rakan Taman Pihak Berkuaasa Tempatan	Rakan taman	1 Rakan Taman bagi setiap PBT setahun		
	vii. Kempen tanam pokok di setiap kawasan PBT	Bilangan pokok	3,200 batang pokok setahun		
	Menaik taraf kemudahan sokongan destinasi pelancongan	Bilangan destinasi pelancongan yang dinaik taraf	2 destinasi	2021 - 2025	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)

## TERAS STRATEGIK 2


STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 3</b>  Memperkuuh perancangan infrastruktur fizikal kepada rakyat	Penarafan bintang Tandas Sejahtera	Peratusan tandas yang mendapat 3-5 bintang	85%	2021 - 2025	Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Pemantauan dan penilaian projek- projek pembangunan:  i. Projek P70, P71, P72, P73, P74 dan P75  ii. Projek bermasalah	Bilangan pemantauan Peratusan penyelesaian projek bermasalah	4 kali setahun 100%	2021 - 2025	Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
	Program kesedaran landskap:  i. Kursus dan Seminar Landskap  ii. Sambutan Hari Landskap Negeri Johor  iii. Pertandingan landskap  iv. Floria Putrajaya	Bilangan program	1 kali setahun	2021 - 2025	Jabatan Landskap Negeri Johor
		Bilangan program	2 tahun sekali		
		Bilangan program	2 tahun sekali		
		Bilangan program	1 kali setahun		

## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 4</b>  Memperkuatkan institusi keluarga, sosial dan agama	Kem Psikologi dan Kaunseling bagi penjawat awam	Bilangan peserta	200 orang setahun	2021 - 2025	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

# TERAS STRATEGIK 3

Pemerkasaan teknologi digital, pengurusan maklumat dan keselamatan ICT dalam mengoptimumkan sumber serta kapasiti



## STRATEGI 1

Memperkuatkan strategi dan tadbir urus Kerajaan Digital Johor



## STRATEGI 2

Memperkuatkan pengurusan maklumat sektor awam negeri Johor



## STRATEGI 3

Memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan



## STRATEGI 4

Memperkuatkan keselamatan maklumat dan fizikal di sektor awam negeri Johor



## TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 1</b>  Memperkuuh strategi dan tadbir urus kerajaan Digital Johor	Pembangunan Pelan ICT:  i. Pelan Strategik ICT  ii. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan  Kajian keperluan dan keberkesanan ICT agensi-agensi kerajaan negeri Johor  Membangunkan antara muka aturcaria aplikasi (API -application programming interface) sistem-sistem utama	Bilangan dokumen  Bilangan dokumen  Bilangan kajian  Bilangan API	1 dokumen  1 dokumen  1 kajian  1 aplikasi	2021 - 2023  2023  2021 - 2025  2023	ICT@Johor  Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor  ICT@Johor  Bahagian Khidmat Pengurusan  ICT@Johor

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 2</b>  Memperkuuh pengurusan maklumat sektor awam negeri Johor	Pengurusan data:  i. Menaik taraf infrastruktur Data Raya (Big Data) di agensi  ii. Perkhidmatan dalam talian secara menyeluruh (end to end services)  iii. Data Raya Johor (Johor Big Data)	Bilangan agensi  Bilangan perkhidmatan  Bilangan repositori	3 agensi setahun  30 perkhidmatan setahun  1 repositori	2021-2025  2021-2025  2022-2025	ICT@Johor

## TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 3</b>  Memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan	Program penggalakan dan promosi aplikasi digital dan perkhidmatan dalam talian kepada orang awam:				
	i. Portal e-rumah dan media massa perumahan	Peratusan peningkatan bilangan pengguna	5% setahun	2021 - 2025	ICT@Johor
	ii. Pembayaran cukai tanah melalui portal JohorPay	Peratusan peningkatan bilangan pengguna	10% setahun		ICT@Johor
	iii. Semua urusan rasmi kerajaan menggunakan e-mel rasmi	Peratusan penjimatkan kos	5% setahun		Bahagian Khidmat Pengurusan ICT@ Johor
	iv. Garis panduan penggunaan dan pengurusan emel di agensi-agensi kerajaan negeri Johor	Bilangan dokumen	1 dokumen		Bahagian Khidmat Pengurusan ICT@ Johor
	v. Penggunaan sistem e-lesen	Semua pejabat daerah	100%	2022 - 2023	Bahagian Khidmat Pengurusan ICT@ Johor
	vi. Penggunaan sistem e-kuarters	Semua pejabat daerah	100%		Bahagian Khidmat Pengurusan ICT@ Johor
	Pemerkasaan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT menggunakan kepakaran dalaman	Bilangan sistem/ projek	2 sistem setahun	2021-2025	ICT@Johor
	Pengaplikasian teknologi maklumat (ICT) dalam aspek perancangan pembangunan modal insan negeri Johor melalui Sistem Modal Insan Johor	Bilangan sistem	1 sistem	2021-2025	Unit Strategik Modal Insan Johor ICT@Johor

## TERAS STRATEGIK 3


STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
STRATEGI 3  Memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan	Membangunkan Sistem Pengurusan Pendidikan Islam Negeri Johor	Bilangan sistem	1 sistem	2021 - 2025	ICT@Johor
	Peluasan penggunaan Sistem Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Johor i-psikologi dan e- kaunseling di semua agensi negeri Johor	Bilangan pengguna	3,000 orang pengguna setahun	2021 - 2025	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Penggunaan aplikasi teknologi rangkaian maklumat bagi sistem pengurusan aduan (SISPAA dan i-Tegur)	Peratusan pelaksanaan sistem	100%	2021 - 2024	Bahagian Kerajaan Tempatan Unit Integriti

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
STRATEGI 4  Memperkuuh keselamatan maklumat dan fizikal di sektor awam negeri Johor	Pengukuhan Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer (CERT - Computer Emergency Response Team)	Bilangan program	1 program setahun	2021-2025	ICT@Johor
	Pemantauan aspek keselamatan ICT dalam agensi kerajaan Johor	Bilangan agensi	1 agensi setahun	2021-2025	ICT@Johor
	Program penguatkuasaan undang-undang dan kesedaran keselamatan kepada penjawat awam	Bilangan program Bilangan peserta	1 program setahun 50 orang peserta	2021-2025	ICT@Johor



# TERAS STRATEGIK 4

Memperkuat tadbir urus ke arah  
kecemerlangan perkhidmatan



## STRATEGI 1

Meningkatkan upaya struktur organisasi bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia yang mahir dan berkomitmen tinggi



## STRATEGI 2

Memantapkan budaya integriti dalam penyampaian perkhidmatan



## STRATEGI 3

Memperkasakan pengurusan kewangan organisasi dengan lebih cekap dan teratur



## TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR () KUANTITI/ KUALITI	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 1</b>	Pembangunan Pelan:				
Meningkatkan upaya struktur organisasi bagi mengoptimalkan penggunaan sumber manusia yang mahir dan berkomitmen tinggi	i. Pelan Pembangunan Sumber Manusia 2020-2030  ii. Pelan Operasi Latihan Negeri Johor (meliputi semua skim perjawatan di negeri Johor)	Bilangan pelan	1 pelan	2021 - 2025	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Meningkatkan kesedaran budaya tatatertib dalam perkhidmatan awam	Bilangan kursus	4 kali setahun	2021 - 2025	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Pelaksanaan MyPortfolio di semua agensi awam negeri Johor	Bilangan agensi Peratusan pelaksanaan	81 buah agensi 100%	2023	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Pembangunan dan pengekalan kepakaran, kompetensi dan profesionalisme dalam bidang ICT:				
	a. Kursus kepakaran mengikut bidang kompetensi	Bilangan kursus kepakaran	5 kursus setahun	2021 - 2025	ICT@Johor  Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	b. Penempatan di agensi/ swasta (Peneraju ICT)	Bilangan syarikat	1 syarikat setahun	2021 - 2025	
	Memperkasakan pegawai ICT:				
	i. Persidangan Pegawai-pegawai ICT SUK Negeri Se-Malaysia.	Bilangan program	1 kali	2021-2025	ICT@Johor Bahagian Khidmat Pengurusan
	ii. Wacana eksekutif (Executive talk)	Bilangan program	1 kali setahun		
	iii. Menghadiri persidangan antarabangsa	Bilangan persidangan	1 kali setahun		

## TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 1</b>  Meningkatkan upaya struktur organisasi bagi mengoptimalkan penggunaan sumber manusia yang mahir dan berkomitmen tinggi	Kerjasama dua hala dengan agensi:  a) Institusi pendidikan b) Institusi latihan awam c) Jabatan/agensi kerajaan	Bilangan agensi	7 buah agensi	2021 - 2025	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 2</b>  Memantapkan budaya integriti dalam penyampaian perkhidmatan	Pembudayaan integriti dalam kalangan penjawat awam melalui:  i. Program Pemantapan Integriti  ii. Program Pelaksanaan Pematuhan Prosedur Kerja	Bilangan program	5 program setahun	2020 - 2024	Unit Integriti  Bahagian Kerajaan Tempatan (PBT)
	Memantau Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah Kerajaan Johor mengikut sukuan yang ditetapkan	Bilangan pelan	1 pelan	2020 - 2024	Unit Integriti

## TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR (IKUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUS)	TEMPOH (TAHUN SASARAN)	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
<b>STRATEGI 3</b>  Memperkasakan pengurusan kewangan organisasi dengan lebih cekap dan teratur	Pemerkasaan kefahaman mengenai tatacara dan pengurusan kewangan	Bilangan program	7 kali setahun	2020 - 2024	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Melaksanakan pengauditan secara profesional:			2020 - 2024	Unit Audit Dalam
	i. Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (IA)	Bilangan audit yang diluluskan dalam Jawatan-kuasa Audit Negeri	100%		
	ii. Pengauditan Prestasi	Bilangan audit yang diluluskan dalam Jawatan-kuasa Audit Negeri	100%		
	iii. Pemeriksaan Mengejut	Bilangan audit yang diluluskan dalam Jawatan-kuasa Audit Negeri	100%		

# PEMANTAUAN KAJIAN SEMULA

PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
2021 - 2025

FEBRUARI 2023  
PENILAIAN  
PENCAPAIAN  
TAHUN KEDUA

JUN 2023  
KAJIAN SEMULA  
PELAN STRATEGIK

JUN 2025  
PENILAIAN  
PENCAPAIAN  
TAHUN KEEMPAT



\*\*NOTA SETIAP TAHUN


MEI / OKTOBER MESYUARAT PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK  
NOVEMBER / DISEMBER MESYUARAT PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

# PENGHARGAAN

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Khidmat Pengurusan
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, ICT@Johor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar Johor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor
- Jabatan Landskap Negeri Johor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Integriti
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Audit Dalam
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Pengurusan SSI
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Korporat dan Kualiti
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Undang-Undang
- Badan Kawal Selia Air Negeri Johor
- Invest Johor
- Unit Strategik Modal Insan Johor
- Tourism Johor
- Majlis Sukan negeri Johor
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

# CATATAN





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
ARAS 3, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR DARUL TA'ZIM

[johor.gov.my](http://johor.gov.my)